KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	4/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM 4.1.2022 11

Gajah datang mengamuk cari garam di dapur rumah

Jerantut: Penduduk Orang Asli suku kaum Bateq di Kampung Yong di sini berdepan detik cemas apabila lapan rumah mengalami kerosakan termasuk roboh akibat diserang seekor gajah pada minggu lalu.

Aswan Jamal, 48, berkata kejadian berlaku kira-kira jam 8 malam ketika dia bersama isteri dan dua anaknya sedang berehat untuk makan malam.

"Secara tiba-tiba, kami rasa rumah bergegar dan ternampak seekor gajah dipercayai jantan sedang menggoyang rumah sebaik melihat keluar.

"Saya menyuruh ahli keluarga agar keluar dari rumah dan lari untuk menyelamatkan diri namun isteri jatuh pengsan selepas beberapa langkah menyebabkan saya terpaksa mendukungnya," katanya.

Katanya, dia risau dengan serangan gajah itu menyebabkan penduduk lain juga terpaksa berlindung di tebing sungai kerana bimbang berlaku perkara lebih buruk berlaku.

"Apabila pulang ke rumah pada keesokkan paginya, saya dapati dapur rumah rosak dan tumbang. Rupanya gajah itu menyelongkar bahagian dapur untuk mencari makanan terutamanya garam," katanya.

Terdahulu, penduduk terbabit menerima kunjungan Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris yang menyumbang tilam, bantal, selimut serta makanan kepada mereka, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tahan Mohd Zakhwan Ahmad Badarddin dan Ketua Kampung Kuala Tahan, Abdul Jalil Abdul Rahman.



PENEMPATAN Orang Asli suku kaum Bateq di Kampung Yong yang dimusnahkan gajah liar.

Sementara itu, penduduk lain Ardi Buyong, 52, berkata gajah itu amat ganas kerana merosakkan rumah penduduk yang hanya diperbuat daripada kayu dan buluh.

Katanya, beberapa tahun dahulu jika ada serangan gajah, ia hanya makan tanaman seperti ubi kayu dan pisang sahaja.

"Pada malam kedua, penduduk membuat unggun api bagi mengelakkan gajah itu datang, tetapi haiwan terbabit datang juga dan menyelongkar rumah lain pula untuk mencari makanan.

"Sejak itu kami tidak berani dan berpindah ke penempatan sementara di Tanjung Tekah di seberang Sungai Tembeling di mana setakat ini lapan rumah dirosakkan oleh gajah itu.

"Pada masa sama, kami berterima kasih kepada Bird Group Taman Negara kerana menghantar bekalan makanan dan khemah untuk kami berlindung pada ketika kejadian," katanya.